

# [PARADOX OF IDENTITY SYMBOLIC: ANALYSIS OF ACCULTERATION AMONG KURDS NEW GENERATIONS IN TÜRKIYE]

## PARADOKS IDENTITI SIMBOLIK: ANALISIS AKULTERASI GENERASI BAHARU KURDI DI TURKI

*Nursyuhada Zulkifli*  
*nursyuhadazulkifli24@gmail.com (Corresponding author)*  
*Institut Kajian Malaysia dan Antarabangsa (IKMAS)*  
*Universiti Kebangsaan Malaysia*

*Abdul Rahim Ahmad*  
*ara@ukm.edu.my*  
*Institut Kajian Malaysia dan Antarabangsa (IKMAS)*  
*Universiti Kebangsaan Malaysia*

*Nik Mohammad Hasif Mat*  
*nikhasif@ukm.edu.my*  
*Institut Kajian Malaysia dan Antarabangsa (IKMAS)*  
*Universiti Kebangsaan Malaysia*

### Abstrak

Perubahan global dan modenisasi kontemporari telah mewujudkan persekitaran yang mendedahkan generasi baharu Kurdi di Turki kepada tekanan asimilasi budaya arus perdana yang tinggi. Sebahagian besar literatur sedia ada tertumpu kepada naratif sejarah dan konflik pemisah, termasuk polemik akulturasi generasi terawal serta pemberontakan Parti Pekerja Kurdistan (PKK). Walau bagaimanapun, analisis mendalam mengenai cara generasi baharu merundingkan identiti warisan mereka dalam era kontemporari masih wujud sebagai suatu lompong kajian yang signifikan. Sehubungan itu, kajian ini bertujuan untuk menganalisis kesan proses akulturasi budaya terhadap transformasi dan penghakisan identiti etnik dalam kalangan generasi baharu Kurdi di Turki. Kajian ini mengaplikasikan teori akulturasi dan menggunakan pendekatan kualitatif bagi meneliti dinamika budaya tersebut. Dapatan daripada kajian lapangan menunjukkan tahap asimilasi yang tinggi terhadap budaya arus perdana Turki. Hal ini mencetuskan transisi yang drastik; generasi baharu Kurdi kini beralih daripada pengamalan budaya warisan secara aktif kepada pengekalan identiti etnik yang hanya bersifat simbolik. Akibatnya, elemen-elemen teras seperti bahasa ibunda dan amalan kesenian tradisional (seperti muzik warisan) semakin terhakis dan sekadar berfungsi sebagai penanda identiti luaran. Dari sudut kebaruaran, kajian ini mengisi jurang literatur berkaitan akulturasi dalam kalangan generasi baharu Kurdi di Turki yang masih kurang diberikan perhatian dalam kajian terdahulu. Kajian ini menyumbang kepada pemahaman empirikal tentang bagaimana generasi baharu Kurdi merundingkan identiti etnik mereka melalui proses asimilasi budaya dan bahasa dalam kehidupan seharian, sekali gus memperluaskan aplikasi teori akulturasi Berry dalam konteks komuniti etnik minoriti yang menetap di Turki. Kajian ini menawarkan sumbangan kontemporari daripada konflik politik tradisional kepada realiti sosiologi generasi pasca-reformasi, serta merungkai paradoks kelangsungan budaya minoriti di bawah hegemoni budaya dominan di Turki.

**Kata kunci:** Kurdi, Turki, etnik minoriti, akulturasi, pemeliharaan budaya

### Abstract

*Global change and contemporary modernization have created an environment that exposes the new generation of Kurds in Turkey to high pressures of mainstream cultural assimilation. Most of the existing literature focuses on historical narratives and separatist conflicts, including the polemics of acculturation of the earliest generations and the Kurdistan Workers' Party (PKK) insurgency. However, an in-depth analysis of how the new generation negotiates their heritage identity in the contemporary era still exists as a significant research gap. Accordingly, this study aims to analyze the impact of the process of cultural acculturation on the transformation and erosion of ethnic identity among the new generation of Kurds in Turkey. This study applies acculturation theory and uses a qualitative approach to examine the dynamics of this culture. Findings from the field study indicate a high level of assimilation to mainstream Turkish culture. This has triggered a drastic transition; the new generation of Kurds is now shifting from*

*actively practicing their heritage culture to maintaining a merely symbolic ethnic identity. As a result, core elements such as their mother tongue and traditional artistic practices (such as heritage music) are increasingly eroding and merely functioning as external markers of identity. From a novelty perspective, this study fills a gap in the literature on acculturation among the new generation of Kurds in Turkey that has not been given much attention in previous studies. This study contributes to an empirical understanding of how the new generation of Kurds negotiate their ethnic identity through the process of cultural and linguistic assimilation in everyday life, thus expanding the application of Berry's acculturation theory in the context of ethnic minority communities while remain residing in Turkey.*

**Keywords:** Kurds, Türkiye, ethnic minority, acculturation, cultural preservation

*Artikel Diterima:*  
30 April 2026

*Artikel Disemak:*  
18 May 2026

*Artikel Diterbitkan:*  
15 June 2026

## PENGENALAN

Dalam landskap pembinaan negara bangsa moden, representasi budaya seringkali bertukar menjadi medan rundingan yang kompleks antara kelangsungan identiti etnik minoriti dan agenda asimilasi nasional. Di Turki, dinamika perhubungan antara budaya dominan dan komuniti etnik minoriti, khususnya masyarakat Kurdi, menuntut satu proses adaptasi yang berterusan. Hingga kini, demografi komuniti ini telah berkembang merangkumi lebih daripada lima generasi (Kasap & Işık, 2026). Mereka tiba sejak 1463 Masihi (Gunter, 2018), dan bagi generasi baharu Kurdi, proses mengimbangi antara pengamalan budaya tempatan Turki dan pengekal nilai-nilai budaya serta bahasa ibunda merupakan realiti sosiopolitik yang tidak dapat dielakkan. Melalui proses rundingan identiti ini, wujud satu bentuk akulturasi di mana mereka beradaptasi dengan budaya dominan demi kelangsungan hidup dan mobiliti sosial, namun pada masa yang sama, cuba memelihara teras identiti ke-Kurdian mereka (Öpengin, 2012).

Walau bagaimanapun, proses adaptasi ini tidak berlaku dalam ruang vakum. Ia secara tidak langsung menyumbang kepada risiko penghapusan elemen budaya ibunda akibat kekangan struktural yang wujud secara historis dan praktikal (Foucault, 1982). Nilai sesuatu bahasa tidak dapat dipisahkan daripada amalan budayanya; justeru, bahasa berfungsi sebagai medium utama dalam pertembungan antara agenda negara dan kelangsungan warisan etnik (Beqiri, 2025). Walaupun dasar penafian identiti dan pelarangan ketat terhadap bahasa Kurdi yang bermula sejak awal penubuhan Republik Turki pada 1920, dan memuncak pasca-rampasan kuasa tentera pada tahun 1980, telah banyak dilonggarkan menerusi reformasi perundangan pada 1991 dan era liberalisasi awal 2000-an (Zeydanlioglu, 2012), kesan psikologi dan strukturalnya masih membelenggu. Malah, fasa pasca-2016 menyaksikan kecenderungan "sekuritisasi semula" dalam polisi domestik, di mana ruang awam kembali diperketatkan, menyebabkan pengaplikasian budaya secara terbuka masih kerap berdepan dengan pelbagai bentuk birokrasi dan stigma sosial (Ekici, Bilgin & Sezgin, 2022).

Ironi kelonggaran ini jelas dapat dilihat melalui kelangsungan seni tradisional seperti muzik Dengbêj. Dengbêj bukan sekadar muzik; ia adalah arkib sejarah lisan masyarakat Kurdi. Oleh kerana bahasa Kurdi pernah dilarang dalam penulisan, mereka menyimpan sejarah, duka, dan identiti mereka melalui nyanyian naratif tanpa muzik (De La Breteque, 2016). Biarpun kini persembahan Dengbêj kini tidak lagi diharamkan secara mutlak seperti dahulu, budaya ini masih berdepan cabaran dan kekangan halus untuk diekspresikan secara terbuka di ruang awam tertentu (Nimbark, 2024). Situasi ini mencerminkan satu peralihan sosiokultural yang drastik bagi generasi baharu Kurdi: wujud tahap asimilasi yang sangat tinggi terhadap budaya tempatan Turki kesan daripada pemodenan dan integrasi sosial yang mendalam (Gans, 1979). Akibatnya, pengamalan budaya warisan secara aktif kian pudar dan beralih kepada pengekal identiti etnik yang hanya bersifat simbolik. Bagi generasi ini, jati diri ke-Kurdian tidak lagi dizahirkan melalui penentangan budaya, sebaliknya hanya dizahirkan menerusi elemen-elemen luaran yang terbatas, seperti penggunaan bahasa ibunda yang minimal dalam perbualan seharian atau sambutan nilai budaya tertentu sebagai simbol warisan semata-mata (Hall, 2020). Kesan jangka panjang daripada sejarah asimilasi ini membentuk corak pemikiran yang pragmatik dalam kalangan generasi baharu, di mana

mereka lebih mengutamakan mobiliti sosial dalam acuan budaya dominan berbanding pengekal tradisi secara konservatif (Bocheńska, 2022).

Biarpun terdapat lambakan kajian mengenai komuniti Kurdi di Turki, wacana akademik sebelum ini lebih banyak tertumpu kepada dimensi konflik politik bersenjata, sejarah gerakan pemisah, dan dasar makro keselamatan negara (Adamsom, 2023; Turgut & Celik, 2024; Yeğen, M., 2025). Kurang perhatian diberikan kepada analisis mikro sosiologi mengenai cara generasi baharu Kurdi, yang lahir dan membesar pada era pasca-reformasi perundangan serta pendedahan globalisasi, mengemudi cabaran akulturasi ini dalam kehidupan seharian. Oleh yang demikian, wujud keperluan mendesak untuk merapatkan lompang kajian ini. Kajian ini bertujuan untuk menganalisis kelangsungan identiti dan proses adaptasi budaya generasi baharu Kurdi di Turki, dengan memfokuskan kepada bagaimana rundingan ruang budaya dan bahasa diuruskan di tengah-tengah arus dominasi nasional (Gerst, Kramer & Salomon, 2019). Analisis ini penting bagi merungkai sejauh mana akulturasi moden melemahkan identiti budaya ibunda atau, sebaliknya, melahirkan bentuk ketahanan baharu dalam pengekal identiti minoriti (Kasap, 2024).

## **TINJAUAN LITERATUR: DINAMIKA AKULTURASI DAN KELANGSUNGAN IDENTITI MINORITI**

Pengadaptasian budaya atau akulturasi merupakan satu proses sosio-psikologi yang tidak dapat dielakkan apabila wujud pertembungan antara kelompok etnik minoriti dan budaya dominan dalam sesebuah negara bangsa. Dari sudut sosiologi, proses ini memainkan peranan penting dalam memupuk integrasi sosial, memudahkan komunikasi silang budaya, dan memberikan peluang mobiliti sosial yang lebih luas kepada komuniti minoriti. Walau bagaimanapun, proses ini sering kali mengundang paradoks yang kritikal: sejauh manakah keperluan untuk beradaptasi dengan budaya tempatan mengorbankan pemeliharaan warisan budaya ibunda? Renzaho et al. (2017) menghujahkan bahawa budaya arus perdana sering diketengahkan sebagai prasyarat utama untuk kelangsungan hidup secara praktikal, menyebabkan pengamalan budaya asal cenderung terpinggir dan berdepan risiko penghakisan terutamanya generasi muda.

Di peringkat global, dinamika akulturasi dan impaknya terhadap evolusi identiti etnik telah didokumentasikan secara meluas menerusi pelbagai lensa sosiologi. Sebagai contoh, kajian oleh Alba dan Nee (2015) mengenai proses asimilasi di Amerika Syarikat mendedahkan bagaimana pendedahan berterusan terhadap hegemoni budaya arus perdana sering kali mendorong kumpulan minoriti untuk menyerap norma budaya luar ke dalam rutin harian mereka demi kelangsungan sosial. trajektori yang sama turut direkodkan dalam konteks minoriti di Eropah; misalnya, kajian Karpava (2021) terhadap imigran generasi kedua di Cyprus membuktikan bahawa dominasi struktural dan sosial daripada budaya tempatan boleh mencetuskan perubahan drastik dalam cara identiti warisan serta bahasa ibunda dizahirkan dan ditransmisikan.

Walaupun bagaimanapun, trajektori akulturasi ini bersifat dinamik dan sangat bergantung kepada ekosistem masyarakat penerima. Sebagai perbandingan yang mengimbangi wacana ini, kajian Nik Hasif (2023) mengenai akulturasi komuniti imigran Muslim di Mexico mendapati bahawa penerimaan positif serta tahap keterbukaan masyarakat tempatan yang tinggi lebih cenderung untuk memupuk proses integrasi berbanding asimilasi. Dalam persekitaran yang harmoni sedemikian, kelompok minoriti berupaya beradaptasi dengan lancar tanpa perlu mengorbankan pengamalan identiti warisan mereka secara mutlak.

Dinamika global ini sangat relevan untuk ditelusuri dalam landskap sosiopolitik di Turki, khususnya melibatkan komuniti Kurdi yang tertakluk kepada dasar asimilasi nasional sejak sekian lama. Walaupun bagaimanapun, biarpun terdapat lambakan kajian mengenai komuniti ini, wacana akademik sebelum ini lebih banyak tertumpu kepada dimensi makro. Sebahagian besar sastera memfokuskan kepada naratif sejarah, konflik politik bersenjata, sejarah gerakan pemisah, dan dasar keselamatan negara (Adamson, 2023; Salih & Hama, 2023; Turgut & Çelik, 2024; Yeğen, 2025). Kajian sosiolinguistik yang sedia ada pula lebih cenderung membincangkan kesan polisi penafian bahasa secara umum (Eroğlu, 2022; Kasap, & Işık, 2026).

Keadaan ini mewujudkan satu lompang kajian empirikal yang ketara. Kajian sedia ada kurang memberikan perhatian kepada analisis mikro-sosiologi terhadap realiti generasi baharu Kurdi, iaitu generasi yang lahir pada era pasca-reformasi perundangan dan pendedahan kemuncak globalisasi. Golongan ini berhadapan dengan situasi yang unik; mereka tidak lagi terikat dengan tentangan politik bersenjata yang ekstrem, tetapi harus merundingkan identiti mereka dalam ekosistem kehidupan bandar (seperti di Istanbul) yang menuntut penguasaan mutlak terhadap budaya dan bahasa Turki. Oleh yang demikian, analisis mendalam mengenai bagaimana generasi baharu ini menguruskan tekanan akulturasi, dan sama ada identiti ke-Kurdian mereka masih diamalkan secara aktif atau telah bertukar menjadi identiti yang hanya bersifat simbolik, adalah amat wajar untuk diteroka bagi melengkapkan korpus literatur kelangsungan budaya minoriti di Turki.

## KERANGKA TEORI

Kajian ini mengaplikasikan model bimensi akulturasi yang dipelopori oleh John W. Berry bagi menganalisis dinamika adaptasi sosiokultural dalam kalangan generasi baharu Kurdi di Turki. Kerangka ini dipilih kerana keupayaannya untuk memetakan strategi individu dalam mengimbangi dua dimensi kritikal: iaitu pengekalan identiti budaya warisan (Kurdi) dan penglibatan dalam masyarakat dominan (Turki). Dalam konteks ini, elemen akulturasi dikenal pasti melalui manifestasi penggunaan bahasa harian, praktik budaya, serta persepsi jangka panjang terhadap warisan etnik Kurdi. Bersandarkan kepada taksonomi yang dibahaskan oleh Berry (1997; 2005; 2011), proses akulturasi diklasifikasikan kepada empat strategi utama:

- 1) **Integrasi:** Individu mengekalkan identiti budaya asal sambil membina interaksi yang aktif dengan budaya tempatan.
- 2) **Asimilasi:** Individu meninggalkan identiti warisan secara beransur-ansur demi menyerap sepenuhnya norma dan nilai budaya dominan.
- 3) **Pemisahan (Segregasi):** Individu meletakkan keutamaan mutlak pada pengekalan budaya asal dan mengelakkan asimilasi dengan masyarakat luar.
- 4) **Marginalisasi:** Keadaan di mana individu mengalami keterasingan budaya, di mana wujud kurangnya keterikatan fungsional terhadap kedua-dua budaya asal mahupun budaya dominan.

Meskipun kerangka ini merupakan paradigma dominan dalam kajian sosiokultural, ia tidak terlepas daripada wacana kritis para sarjana. Kritikan utama sering tertumpu kepada sifat kategori Berry yang dianggap terlalu tegar (*rigid*) dan bersifat reduktif dalam menangkap kompleksiti identiti manusia (Bhatia & Ram, 2001; Chirkov, 2009; Rudmin, 2003). Menjawab kritikan tersebut, Berry (2009) menegaskan bahawa kategori-kategori ini tidak seharusnya dilihat sebagai “kotak” yang statik, sebaliknya berfungsi sebagai pendekatan heuristik atau panduan am untuk mengenal pasti corak dominan dalam sesebuah ekosistem masyarakat.

Berry (2009) turut mengakui wujudnya variasi dalaman (*internal variation*) di dalam sesebuah komuniti; sebagai contoh, dalam kelompok yang secara kolektifnya mengamalkan asimilasi, masih terdapat sub-kumpulan yang mungkin cenderung kepada segregasi atau marginalisasi. Oleh yang demikian, penggunaan teori Berry dalam kajian ini bukan bertujuan untuk melabel subjek secara mutlak, tetapi sebagai kanta analitikal untuk memahami arah aliran (*trend*) adaptasi generasi baharu Kurdi dalam mendepani realiti sosiopolitik Turki masa kini.

## METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini mengaplikasikan reka bentuk kualitatif dengan kerangka rentas disiplin yang menggabungkan lensa sosiologi, antropologi, dan sains politik. Pendekatan kualitatif dipilih sebagai kaedah utama kerana keupayaannya untuk meneroka makna, pengalaman hidup (*lived experiences*), dan realiti sosiokultural subjek secara mendalam (Creswell & Poth, 2018; Merriam & Tisdell, 2015). Kerangka ini membolehkan pengkaji menelusuri nuansa kompleks berkaitan perubahan dan pemeliharaan budaya, amalan harian, serta evolusi bahasa

masyarakat Kurdi, yang saling berkait rapat dengan trajektori sosiopolitik di Turki dari era Uthmaniyah hingga ke abad kontemporari. Berbanding reka bentuk kuantitatif berasaskan statistik berskala besar, pendekatan ini menawarkan fleksibiliti yang lebih tinggi dalam merungkai dinamika identiti dan penyesuaian budaya yang tidak dapat diukur secara angka (Patton, 2015).

### Prosedur Pengumpulan Data

Pengumpulan data primer dilaksanakan melalui gabungan pemerhatian lapangan dan temu bual separa berstruktur. Pemerhatian lapangan telah dijalankan di Istanbul melibatkan tempoh dua minggu merentasi tiga fasa lawatan berbeza, iaitu pada bulan Oktober 2024, serta Februari dan Oktober 2025. Sesi temu bual pula dikendalikan secara hybrid, iaitu merangkumi temu bual bersemuka dan sesi dalam talian menerusi platform *Google Meet* bergantung kepada persetujuan, keselesaan, dan logistik para peserta. Pendekatan separa berstruktur ini memberi ruang kepada informan untuk berkongsi pandangan secara terbuka namun kekal relevan dengan tema objektif kajian

### Pemilihan Informan dan Konteks Latar Belakang

Pemilihan informan dilakukan menggunakan teknik persampelan bertujuan (*purposive sampling*) melalui *snowball* bagi memastikan data yang diperoleh benar-benar menepati kriteria fenomena yang dikaji (Patton, 2015). Seramai 11 orang informan yang mewakili generasi baharu Kurdi (yang lahir dan dibesarkan di Turki) telah dipilih (seperti Jadual 1). Walaupun kumpulan informan ini mewakili komuniti yang telah menetap di Turki merentasi beberapa generasi, profil latar belakang dan kampung halaman mereka turut direkodkan. Elemen geografi ini diambil kira sebagai pemboleh ubah konteks tambahan yang berpotensi mempengaruhi pengalaman sosialisasi dan corak pembentukan identiti budaya mereka apabila bermigrasi atau menetap di pusat bandar kosmopolitan seperti Istanbul. Melalui triangulasi profil dan penceritaan ini, pengkaji berupaya memperoleh pemahaman yang lebih teliti mengenai cara penanda identiti dan tingkah laku budaya dirundingkan oleh generasi baharu, terutamanya jika dibandingkan dengan nilai tradisi yang cuba ditransmisikan oleh generasi pertama (ibu bapa mereka).

JADUAL 1 Senarai informan yang ditemu bual

Tarikh	Kod Informan	Umur	Jantina	Pekerjaan	Kampung halaman	Metod temu bual
8 Okt 2024	Informan 9	25	L	Pekerja Hotel	Diyarkir	Bersemuka
10 Okt 2024	Informan 10	28	L	Pekerja Hotel	Siirt	Bersemuka
15 Okt 2024	Informan 12	37	L	Ahli perniagaan	Diyabarkir	Bersemuka
15 Okt 2024	Informan 13	35	L	Kakitangan teknikal untuk komunikasi	Mardin	Bersemuka
1 Sept 2025	Informan 56	26	P	Pelajar	Mardin	Dalam talian
11 Okt 2025	Informan 61	26	P	Pelajar perubatan	Mardin	Sua Muka
26 Okt 2025	Informan 62	26	P	Pelajar	Mardin	Dalam talian
23 Nov 2025	Informan 63	36	L	Guru	Diyabarkir	Dalam talian
25 Nov 2025	Informan 64	24	P	Pelajar	Mardin	Dalam talian
27 Dis 2025	Informan 65	22	L	Pereka laman perdagangan	Hakkari	Dalam talian
10 Jan 2025	Informan 66	39	Lelaki	Guru	Mardin	Dalam talian

Dalam konteks pelaksanaan metodologi, kajian ini digerakkan melalui lensa posisionaliti “etik” (*etic perspective*), yang merujuk kepada kedudukan penyelidik sebagai pemerhati luar (*outsider*) yang tidak mempunyai sebarang pertalian langsung dengan komuniti etnik minoriti mahupun masyarakat tempatan yang dikaji (Yeğen, 2011). Kedudukan ini bukanlah suatu pilihan, sebaliknya merupakan satu realiti demografi; perbezaan ciri fizikal secara jelas meletakkan penyelidik di luar lingkungan identiti Turki mahupun Kurdi. Dari satu sudut, status sebagai pihak luar ini menuntut usaha yang lebih mendalam untuk membina kepercayaan (*rapport*). Hal ini kerana komuniti yang terdedah kepada sejarah sosio-politik yang kompleks lazimnya bersikap amat berhati-hati dan waspada dalam berkongsi sebarang maklumat sensitif dengan entiti luar (Sonkurt & Joshua, 2022; Couper et al., 2008).

Walau bagaimanapun, memandangkan wacana berkaitan pengekalan identiti Kurdi merupakan subjek yang sangat sensitif di Turki, posisionaliti etik ini sebenarnya menawarkan kelebihan metodologikal dan keselamatan yang sangat kritikal. Kedudukan penyelidik sebagai penganalisis asing yang bebas berfungsi sebagai perisai neutraliti (*neutrality buffer*). Ia bukan sahaja memelihara keselamatan fizikal dan reputasi pengkaji daripada dikaitkan dengan mana-mana polemik gerakan pemisah (seperti PKK), malah ia memberi ruang kepada informan untuk bercerita dengan lebih telus tanpa rasa terancam. Lebih penting lagi, pendekatan luar yang objektif ini meminimumkan risiko mencetuskan trauma emosi dalam kalangan responden, sekali gus mengelakkan pengkaji dan komuniti daripada terpalit dengan sebarang aktiviti berisiko tinggi sepanjang tempoh kajian lapangan.

## DAPATAN & ANALISIS KAJIAN

### Proses Akulturasi

Analisis data menunjukkan bahawa generasi baharu mempamerkan tahap adaptasi sosiokultural yang jauh lebih tinggi berbanding generasi pertama, terutamanya melalui sikap keterbukaan terhadap budaya arus perdana. Walaupun sisa elemen budaya ibunda masih dipertahankan, kecenderungan ini meletakkan mereka di bawah pengaruh norma budaya dominan Turki yang lebih kuat, khususnya dalam aspek penguasaan bahasa. Keadaan ini secara langsung mengganggu keseimbangan amalan dwi-budaya dalam rutin harian mereka. Manifestasi senario ini paling ketara dinilai melalui dominasi penggunaan bahasa Turki dalam interaksi sosial. Jadual 1 merumuskan pemetaan strategi adaptasi budaya generasi ini berdasarkan kerangka Teori Akulturasi Berry (2005).

JADUAL 2: Strategi Akulturasi “Asimilasi” Generasi Baharu Kurdi di Istanbul, Turki

	ADAPTASI BUDAYA TURKI		
PEMELIHARAAN DAN PENGAMALAN BUDAYA KURDI		TINGGI	RENDAH
	TINGGI	Integrasi	Pengasingan
	RENDAH	Asimilasi <ul style="list-style-type: none"> <li>○ Adaptasi budaya Turki sebagai mobiliti sosial</li> <li>○ Pemeliharaan budaya Kurdi secara simbolik</li> </ul>	Marginalisasi

Sumber: Olahan penulis berasaskan teori Akulturasi daripada John Berry (1992; 2005; 2009)

Berdasarkan pemetaan data pada Jadual 1, kajian ini merumuskan secara tuntas bahawa “asimilasi” merupakan strategi akulturasi dominan yang diamalkan oleh generasi baharu Kurdi di Istanbul. Secara teorinya, asimilasi dalam konteks ini merujuk kepada satu proses transisi sosiokultural di mana kelompok minoriti memberikan keutamaan yang tinggi terhadap adaptasi budaya dominan Turki sehingga menyebabkan amalan dan identiti warisan asal kian terpinggir. Strategi ini dimanifestasikan melalui dua dimensi utama: penggunaan aspek budaya dominan sebagai instrumen mobiliti sosial, dan peralihan pengekalan budaya ibunda daripada amalan aktif kepada bentuk yang hanya bersifat simbolik. Penegasan terhadap strategi asimilasi ini adalah penting bagi memahami bagaimana identiti etnik dirundingkan semula dalam ruang awam sebelum analisis ini diperincikan menerusi bukti-bukti empirikal dalam bahagian seterusnya.

### **Adaptasi Sebagai Mobiliti Sosial**

Transformasi identiti dalam sesebuah komuniti minoriti lazimnya dipengaruhi oleh keperluan strategik untuk menavigasi persekitaran sosial yang dominan. Dalam konteks ini, penguasaan bahasa dan norma tempatan berfungsi sebagai modal sosial kritikal yang menjamin akses kepada peluang pekerjaan serta jaringan bantuan komuniti di Turki (Bourdieu & Ortiz, 1983). Oleh itu, penyesuaian terhadap budaya dominan bukan sekadar pilihan gaya hidup, sebaliknya merupakan strategi kelangsungan untuk meningkatkan kedudukan sosioekonomi. Walaupun John W. Berry (2005) menyifatkan keseimbangan antara dua budaya sebagai integrasi, dapatan kajian ini mendapati bahawa bagi generasi baharu Kurdi, adaptasi tersebut lebih cenderung kepada proses asimilasi yang halus, di mana identiti Turki mula mendominasi ruang awam mereka. Fenomena ini jelas terpancar menerusi penggunaan dwi-nama dalam kehidupan seharian, sebagaimana dikongsikan oleh Informan 61:

*“Kami mempunyai dua nama. Nama saya yang sekarang guna ini adalah nama Turki, manakala nama Kurdi saya pula...(menulis di kertas atas faktor ejaan dan sebutan dalam bahasa Kurdi agak mengelirukan bagi pihak luar)..” (Informan 61, p26, temubual bersua muka, 11 Oktober 2025)*

Penggunaan dwi-nama ini membuktikan bahawa akulturasi generasi baharu telah melangkaui aspek linguistik sehingga menyentuh struktur identiti paling asas. Penggunaan nama Turki dalam ranah awam berbanding nama Kurdi yang hanya disimpan untuk lingkungan peribadi memperlihatkan wujudnya pembahagian identiti yang ketara (Appadurai, 1996). Meskipun secara luaran mereka kelihatan berjaya mengimbangi dwi-identiti tanpa konflik, analisis mendalam mendedahkan bahawa rata-rata generasi baharu tidak menyedari bahawa identiti Turki telah menjadi elemen dominan yang mencorakkan jati diri mereka (Fishman, 1991). Berdasarkan kerangka Berry (2005), kecenderungan tingkah laku yang memberikan keutamaan kepada norma penggunaan nama Turki ini meletakkan mereka dalam kategori asimilasi, bukannya integrasi. Hal ini kerana budaya dominan telah berjaya meresap dan menguasai ruang fungsional kehidupan mereka (Berry, 2005). Ironinya, tradisi dwi-nama yang diwarisi daripada generasi terdahulu, yang asalnya digunakan sebagai mekanisme pertahanan untuk mengurangkan diskriminasi (Yeğen, 2007), kini telah bertukar menjadi agen asimilasi pasif yang menormalkan identiti Turki dalam sanubari generasi baharu.

Meskipun begitu, proses pengadaptasian ini tidak merangkumi aspek pemilihan politik mahupun perkahwinan campur secara mutlak, memandangkan kedua-dua domain tersebut lebih didorong oleh autonomi pemilihan peribadi (Giddens & Pierson, 1998) . Dari perspektif politik, majoriti generasi baharu cenderung memilih entiti politik yang menolak sentimen diskriminasi serta komited dalam memperjuangkan pembangunan komuniti Kurdi secara saksama (Gunes, 2018). Begitu juga dengan fenomena perkahwinan campur yang berlaku atas dasar penerimaan antara budaya tanpa terikat kepada sempadan etnik yang tegar . Walau bagaimanapun, impak jangka panjang perkahwinan campur ini sangat signifikan terhadap pembentukan jati diri generasi seterusnya, di mana tahap pemeliharaan warisan budaya ibunda amat bergantung kepada pengaruh dan sosialisasi yang diberikan oleh ibu bapa dalam persekitaran domestik (Alba & Nee, 2015). Natijahnya, faktor-faktor ini secara

kumulatif memperkukuh corak identiti generasi baharu yang lebih cenderung kepada asimilasi budaya dan bahasa Turki, sebagai instrumen pragmatik demi kelangsungan hidup dan mobiliti dalam ruang sosial yang dominan (Bourdieu & Ortiz, 1983).

### **Penghakisan Budaya dan Peminggiran Identiti Warisan**

Sehubungan dengan analisis terdahulu, proses akulturasi yang menjurus kepada asimilasi secara langsung menentukan tahap penghakisan budaya warisan dalam kalangan generasi baharu. Dalam konteks ini, kecenderungan generasi baharu Kurdi untuk berasimilasi dengan budaya tempatan Turki didorong kuat oleh tuntutan kelangsungan hidup yang mewajibkan penguasaan bahasa Turki dalam hampir semua dimensi kehidupan. Pendedahan berterusan terhadap norma budaya dominan telah mencetuskan proses adaptasi yang mengaburkan sempadan antara identiti warisan dan identiti tempatan (Öpengin, 2012), sekali gus mengehadkan tahap kesedaran mereka terhadap proses penghakisan budaya yang sedang berlaku (Lytra & Gelir, 2023). Faktor ini menjelaskan mengapa pendedahan sosiokultural generasi baharu kini lebih memihak kepada budaya dominan berbanding budaya ibunda. Hal ini diperkukuhkan lagi menerusi naratif Informan 61 mengenai dinamika pemeliharaan warisan di peringkat domestik:

*“Saya pernah berbincang tentang perkara tersebut...yang saya mahu belajar jurusan bahasa Kurdi untuk memelihara bahasa ibunda kami, tetapi ibubapa saya kurang bersetuju. Kalau bab budaya pula, kami banyak belajar dari sumber luar seperti sosial media.” (Informan 61, p26, temubual bersua muka, 11 Oktober 2025)*

Kenyataan ini mendedahkan wujudnya jurang transmisi budaya di peringkat keluarga, di mana generasi baharu lebih digalakkan untuk memantapkan kemahiran bahasa Turki demi menjamin mobiliti sosial dan akses rasmi yang lebih luas. Akibatnya, bahasa Turki diletakkan pada kedudukan yang lebih relevan dan praktikal berbanding bahasa ibunda (Fishman, 2012). Meskipun amalan budaya Kurdi secara amnya dibenarkan, pengamalannya sering kali tertakluk kepada kekangan halus; amalan yang menggunakan bahasa Kurdi secara terbuka di ruang awam cenderung dihadkan, manakala elemen budaya tanpa komponen linguistik Kurdi lebih mudah diterima (Şengül, 2016). Senario ini mencerminkan corak asimilasi yang mendalam sebagaimana yang diutarakan dalam kerangka Berry (2005). Walaupun terdapat sisa elemen warisan dalam ruang peribadi, generasi baharu lebih cenderung untuk menginternalisasikan norma budaya dominan ke dalam jati diri mereka (Fishman, 1991). Ketiadaan motivasi dan sokongan struktural daripada institusi keluarga akhirnya melemahkan sentimen pemeliharaan warisan (Romano & Mohammed, 2025; Arwemi, 2025). Natijahnya, identiti Kurdi berisiko mengalami penghakisan yang kritikal, di mana ia akhirnya hanya berfungsi sebagai simbol identiti luaran tanpa penghayatan praktikal dalam kehidupan seharian (Shrestha, 2024).

### **Jurang Persepsi Antara Generasi dan Beban Identiti**

Peralihan spektrum kebudayaan daripada generasi pertama kepada generasi baharu berlaku secara evolusi, dipacu oleh arus globalisasi, permodenan, serta dinamika polisi nasional yang mencorakkan pemeliharaan warisan etnik dalam jangka masa panjang (Sanmee, 2024). Justeru, peralihan ini mewujudkan jurang perspektif yang ketara antara generasi; di mana generasi terdahulu melihat pemeliharaan bahasa dan budaya sebagai kewajipan moral, manakala generasi baharu mula merundingkan semula kepentingan warisan tersebut dalam konteks kehidupan moden (Ong & Ting, 2022). Ketidaksamaan pendekatan ini mencerminkan perbezaan prioriti dalam mendepani cabaran kelangsungan identiti, sebagaimana yang digambarkan menerusi keresahan Informan 61:

*“Saya pernah bertanya tentang kawan saya tentang perkara ini, dan kebanyakannya mereka kurang ambil peduli tentang perkara berkaitan Kurdi kerana penat selalu dengar perkara-perkara politik dikaitkan dengan orang Kurdi.” (Informan 61, p26, temubual bersua muka, 11 Oktober 2025)*

Berdasarkan pendedahan tersebut, sikap "acuh tidak acuh" generasi baharu terhadap pemeliharaan warisan sebenarnya berakar umbi daripada keletihan sosiopolitik akibat stigmatisasi dan rasisme yang sering dikaitkan dengan identiti Kurdi di Turki. Walaupun dinamika hubungan antara kaum di Turki menunjukkan tanda-tanda positif dan optimis, impak psikologi daripada naratif politik masa lalu tetap mempengaruhi kecenderungan generasi muda untuk menjauhkan diri daripada penanda identiti yang dianggap "bermasalah" (Turgut & Çelik, 2021). Apabila diteliti menerusi kanta Berry (2005), senario ini menunjukkan bahawa biarpun terdapat sisa elemen integrasi, generasi baharu Kurdi sebenarnya sedang bergerak pantas ke arah asimilasi fungsional. Hal ini kerana penguasaan bahasa Turki dan pematuhan kepada norma budaya tempatan kini bukan lagi pilihan, sebaliknya merupakan piawaian nasional yang wajib dipenuhi oleh semua warganegara tanpa mengira latar belakang etnik (Lytra & Getir, 2023). Natiujahnya, dominasi budaya arus perdana yang berterusan bukan sahaja mengurangkan minat mereka terhadap warisan ibunda, malah secara sistematik melemahkan keupayaan generasi ini untuk mempertahankan kelangsungan identiti etnik yang tulen dalam jangka masa panjang.

### **Simbolik dan Praktikal Identiti**

Rentetan daripada jurang perspektif antara generasi, evolusi identiti dalam jati diri generasi baharu mencetuskan persoalan kritikal mengenai kelangsungan budaya: adakah identiti Kurdi mereka masih bersifat praktikal atau telah beralih sepenuhnya kepada dimensi simbolik semata-mata. Walaupun generasi baharu dilihat masih mengamalkan sebahagian nilai budaya yang diwariskan oleh keluarga, terdapat lompang yang besar dalam penghayatan nilai dalaman warisan tersebut apabila mereka beradaptasi dengan budaya tempatan. Ketidakeupayaan fungsional ini jelas terpancar dalam aspek penguasaan linguistik, sebagaimana yang ditegaskan oleh Informan 9:

“Sekiranya awak berikan saya buku berbahasa Kurdi, saya tidak mungkin dapat membacanya.” (Informan 9, I25, temubual bersua muka, 8 Oktober 2025)

Pengakuan ini mendedahkan bahawa walaupun generasi baharu terdedah kepada konsep dwi-budaya dan kemahiran "pertukaran kod" (*code-switching*) dalam komunikasi seharian, tahap penguasaan mereka terhadap bahasa ibunda adalah sangat terhad (Beqiri, 2025). Hakikatnya, bahasa bukan sekadar medium komunikasi simbolik, malah merupakan teras praktikal kepada identiti etnik (Akin, 2011). Kegagalan dalam literasi bahasa ibunda menunjukkan bahawa warisan budaya Kurdi kini hanya berfungsi sebagai "penanda identiti luaran" atau simbol etnik semata-mata, tanpa sokongan kemahiran praktikal yang utuh (Ozfidan et al., 2018). Dalam konteks asimilasi ini, identiti ibunda generasi baharu semakin terpinggir berbanding dominasi bahasa dan norma budaya Turki yang menguasai ruang kehidupan fungsional mereka. Fenomena ini membuktikan bahawa asimilasi sistemik telah berjaya menormalisasikan budaya dominan sehingga meminggirkan kepentingan amalan budaya asal dalam rutin harian (Ozfidan et al., 2018). Implikasinya, motivasi untuk memelihara warisan kian terhakis sejajar dengan keterbatasan pendedahan, yang akhirnya menjadikan identiti Kurdi sebagai satu bentuk "etnik simbolik" yang tidak lagi memiliki daya tahan praktikal dalam mendepani arus perdana nasional.

### **LIMITASI KAJIAN**

Kajian ini memberikan tumpuan khusus terhadap dinamika akulturasi generasi baharu Kurdi di Turki dengan menilai peralihan identiti serta pemeliharaan budaya ibunda berbanding generasi pertama. Walau bagaimanapun, terdapat beberapa kekangan yang perlu diperakui bagi memberikan konteks yang tepat terhadap penafsiran dapatan ini. Pertama, skop kajian ini terhad kepada satu kelompok generasi yang menetap di kawasan metropolitan Istanbul. Walaupun Istanbul merupakan pusat tumpuan utama bagi komuniti Kurdi, dapatan ini mungkin tidak mencerminkan realiti sosiokultural komuniti Kurdi yang menetap di wilayah tenggara Turki atau di kawasan luar bandar yang mempunyai struktur sokongan etnik yang lebih padat. Kedua, penggunaan pendekatan kualitatif melalui temu bual separa berstruktur amat

bergantung kepada ketelusan informan dan interpretasi subjektif pengkaji. Walaupun langkah-langkah triangulasi telah diambil, sensitiviti isu Kurdi dalam landskap sosio-politik Turki mungkin mempengaruhi tahap keterbukaan informan dalam berkongsi maklumat yang bersifat peribadi atau politikal.

Akhir sekali, tempoh kajian yang dijalankan antara tahun 2024 hingga 2025 merupakan satu limitasi dari aspek temporal. Kajian ini hanya menangkap "potret" identiti pada satu garis masa yang spesifik dan tidak berupaya menilai evolusi budaya dalam jangka masa panjang secara longitudinal. Memandangkan persepsi generasi baharu terhadap bahasa dan warisan budaya sentiasa berubah mengikut arus pemodenan serta kestabilan politik semasa, dapatan ini harus dilihat sebagai asas untuk kajian masa hadapan yang lebih meluas dari segi demografi dan tempoh masa.

## KESIMPULAN DAN CADANGAN

Dinamika sosiobudaya dalam kalangan generasi baharu Kurdi di Turki mempamerkan satu realiti yang kompleks. Walaupun dalam era globalisasi ini ketegangan antara komuniti etnik dan masyarakat dominan kelihatan semakin berkurang, proses negosiasi identiti tetap berlaku secara mendalam di bawah naratif kehidupan yang harmoni. Namun demikian, neutraliti daripada sejarah diskriminasi silam terhadap etnik Kurdi tidak sepenuhnya hilang daripada memori kolektif dan persepsi generasi baharu. Dapatan kajian ini merumuskan secara tuntas bahawa trauma sosiopolitik dan tuntutan pragmatik terhadap mobiliti sosial telah mendorong generasi baharu ke arah strategi asimilasi. Hal ini mengakibatkan luntarnya minat untuk memelihara warisan budaya ibunda secara praktikal, di mana pengamalan budaya kini hanya bersifat simbolik dan tidak lagi menjadi teras fungsional dalam kehidupan seharian.

Sehubungan itu, beberapa cadangan dikemukakan bagi memperkukuh usaha pemeliharaan budaya ibunda dalam kalangan etnik minoriti agar tidak terus terhakis, serta dapat dimanfaatkan sebagai asas dalam pendidikan dan peningkatan kesedaran sosiokultural:

- 1) Pertama, pengukuhan nilai penghargaan terhadap diversiti budaya perlu diperkasakan bagi memupuk kesedaran awal mengenai kepentingan kelangsungan identiti etnik. Warisan budaya ibunda hanya akan bertahan sekiranya generasi baharu mempunyai motivasi intrinsik untuk bukan sekadar menghargai budaya secara luaran, malah memelihara dan mempraktikkannya secara aktif agar tidak hanyut dalam arus asimilasi mutlak.
- 2) Kedua, inisiatif bagi memperluas ruang ekspresi kebudayaan perlu dipertingkatkan bagi membolehkan komuniti minoriti mengamalkan warisan mereka tanpa kebimbangan terhadap stigma sosial. Sokongan terhadap institusi atau badan bukan kerajaan yang berperanan dalam pendidikan bahasa dan budaya ibunda amat kritikal bagi membina jambatan antara pengetahuan tradisional dan keperluan moden generasi baharu.
- 3) Ketiga, peranan institusi keluarga perlu diangkat sebagai benteng utama dalam transmisi budaya dan bahasa ibunda. Keluarga harus menjadi ejen sosialisasi primer yang menyeimbangkan antara keperluan asimilasi untuk mobiliti sosial dengan kepentingan pemeliharaan jati diri agar proses integrasi yang sihat dapat dicapai tanpa mengorbankan akar budaya asal.

Secara keseluruhannya, kajian ini membuktikan bahawa tanpa langkah pemeliharaan yang strategik dan sistematik, identiti etnik minoriti berisiko untuk bertukar sepenuhnya kepada identiti simbolik yang kaku. Kesedaran kolektif daripada peringkat akar umbi hingga ke tahap polisi adalah diperlukan bagi memastikan kepelbagaian warisan budaya terus subur dalam landskap negara bangsa yang inklusif. Analisis terhadap konteks polisi di Turki menunjukkan kecenderungan ke arah pendekatan integrasi yang berasaskan homogenisasi budaya, dengan penekanan terhadap keseragaman sebagai asas kesamarataan sosial. Namun, dapatan kajian ini mencadangkan bahawa pendekatan tersebut berpotensi mempercepatkan penghakisan budaya etnik minoriti dalam jangka masa panjang, terutamanya dalam kalangan generasi baharu.

Walaupun terdapat usaha untuk membenarkan ekspresi budaya melalui penggunaan bahasa ibunda dan sambutan perayaan seperti Newroz, tahap pelaksanaannya masih terhad

dan belum mencukupi untuk menjamin keseimbangan sosio-budaya yang sebenar. Sehubungan itu, peralihan ke arah pendekatan integrasi yang lebih pluralistik dan inklusif adalah penting bagi memastikan kelangsungan identiti budaya dalam masyarakat majmuk. Bagi memperluas skop kajian, penyelidikan lanjutan dicadangkan untuk menilai dinamika asimilasi dalam kalangan generasi baharu Kurdi melalui analisis perbandingan antara Diyarbakır dan Istanbul. Pendekatan ini berupaya memberikan gambaran yang lebih mendalam tentang pengaruh konteks bandar terhadap pengekal dan pengadaptasian budaya ibunda.

## **PENGHARGAAN**

Pengkaji merakamkan penghargaan kepada semua informan yang telah memberikan kerjasama sepanjang kajian ini dijalankan. Ucapan terima kasih juga ditujukan kepada penyelia atas segala bimbingan dan panduan yang diberikan dalam menyempurnakan penyelidikan ini. Kajian ini dijalankan secara persendirian tanpa menerima sebarang pembiayaan atau geran penyelidikan daripada mana-mana institusi atau organisasi.

## **SUMBANGAN PENULIS**

Penulis bertanggungjawab terhadap keseluruhan pelaksanaan kajian ini yang meliputi perancangan penyelidikan, kajian literatur, pengumpulan data lapangan melalui temu bual bersama informan di Turki, proses transkripsi dan analisis data, interpretasi dapatan berdasarkan kerangka teori yang digunakan, serta penyediaan, penyuntingan dan pemurnian manuskrip sehingga ke peringkat penerbitan.

## **DEKLARASI PENGGUNAAN TEKNOLOGI KECERDASAN BUATAN (AI)**

Penggunaan teknologi kecerdasan buatan (AI) yang digunakan di dalam kajian ini seperti ChatGPT dan Anara AI di dalam kajian ini adalah terhad kepada aspek bantuan pemurniaan dan juga sebagai alat bantuan rangsangan artikel sokongan yang boleh digunakan untuk menguatkan ulasan yang diberikan oleh pengkaji terhadap kajian ini.

## **KENYATAAN ETIKA**

Kajian ini dijalankan dengan mematuhi prinsip-prinsip etika penyelidikan sosial. Sebelum sesi temu bual dijalankan, setiap informan telah diberikan penerangan berkenaan tujuan kajian, kaedah pengumpulan data serta hak mereka sebagai peserta kajian. Persetujuan dimaklumkan telah diperoleh daripada semua informan yang terlibat secara sukarela tanpa sebarang unsur paksaan. Bagi melindungi privasi dan keselamatan peserta, identiti informan telah dirahsiakan melalui penggunaan kod atau nama samaran dalam proses transkripsi, analisis dan penulisan laporan kajian. Informan juga diberikan hak untuk menarik diri daripada kajian pada bila-bila masa tanpa sebarang implikasi. Semua data yang diperoleh digunakan semata-mata untuk tujuan akademik dan disimpan secara sulit oleh pengkaji.

## **RUJUKAN**

- Adamson, F. B. (2023). Migration governance in civil war: The case of the Kurdish conflict. *European Journal of International Security*, 8(4), 1-21.
- Akin, S. (2011). Language planning in Diaspora: the Case of the Kurds Kurmanji Dialect. *Eesti Ja Soome-Ugri Keeletheaduse Ajakiri. Journal of Estonian and Finno-Ugric Linguistics*, 2(1), 9–27. <https://doi.org/10.12697/jeful.2011.2.1.01>.
- Alba, R., & Nee, V. (2015). *Remaking the American mainstream: Assimilation and contemporary immigration*. Harvard University Press.

- Appadurai, A. (1996). *Modernity at large: Cultural dimensions of globalization*. U of Minnesota P.
- Arwemi, (2025). Language Shifts and Indomie Linguistic Chaos: The Alienation of the Mother Tongue in Millennial Minangkabau Families and Its Management. *Journal of Information Systems Engineering and Management*.
- Beqiri, A. (2025). How Language Contributes to Ethnic Identity: Insights from a Socio-cultural Framework. *European Journal of Language and Culture Studies*, 4(2), 11-18.
- Berry, J. W. (1997). Immigration, acculturation, and adaptation. *Applied Psychology*, 46(1), 5-34. <https://doi.org/10.1111/j.1464-0597.1997.tb01087.x>
- Berry, J. W. (2009). A critique of critical acculturation. *International Journal of Intercultural Relations*, 33(5), 361-371. <https://doi.org/10.1016/j.ijintrel.2009.06.003>.
- Berry, J. W., & Sabatier, C. (2011). Variations in the assessment of acculturation attitudes: Their relationships with psychological wellbeing. *International Journal of Intercultural Relations*, 35(5), 658-669. <https://doi.org/10.1016/j.ijintrel.2011.02.002>.
- Berry, J.W. (2005) Acculturation: Living Successfully in Two Cultures. *International Journal of Intercultural Relations*, 29, 697-712. <http://dx.doi.org/10.1016/j.ijintrel.2005.07.013>
- Bhatia, S., & Ram, A. (2001). Rethinking acculturation in relation to diasporic cultures and postcolonial identities. *Human Development*, 44(1), 1-18. <https://doi.org/10.1159/000057036>
- Bilgin, R., Ekici, S., & Sezgin, F. (2022). The state of Kurds language through public policies in Turkey after 1980. *Amazonia Investiga*, 11(56), 320-329.
- Bocheńska, J. (2022). From Dengbêj to modern writer: Heritagization of the Kurds oral tradition and revitalization of the Kurds language in the works of Mehmed Uzun and Mehmet Dicle. *Iranian Studies*, 55(4), 899-927.
- Bourdieu, P., & Ortiz, R. (1983). *Pierre Bourdieu* (Vol. 39, pp. 122-155).
- Caputo-Nimbark, R. (2024). Kurds Bards Sing A Homeland: Dengbêjî and Conflicting Nationalisms in the Turkish State. Culture & Tradition: *La Revue étudiante canadiennes de folklore et d'ethnologie/The Canadian Student Journal of Folklore and Ethnology*, 35, 15-40.
- Chirkov, V. I. (2009). Critical psychology of acculturation: What do we study and how do we study it, when we investigate acculturation? *International Journal of Intercultural Relations*, 33(2), 94-105. <https://doi.org/10.1016/j.ijintrel.2008.12.004>.
- Couper, M. P., Singer, E., Conrad, F. G., & Groves, R. M. (2008). Risk of disclosure, perceptions of risk, and concerns about privacy and confidentiality as factors in survey participation. *Journal of official statistics*, 24(2), 255.
- Creswell, J. W., & Poth, C. N. (2018). *Qualitative inquiry and research design: Choosing among five approaches* (4th ed.). SAGE Publications.
- De la Bretèque, E. A. (2016). Self-Sacrifice, Womanhood, and Melodized Speech: Three Case Studies from the Caucasus and Anatolia. *Asian Music*, 29-63.
- Dr. Ravi Kumar Shrestha. (2024). Colonial Subjugation and Cultural Erosion in Things Fall Apart. *The Creative Launcher*, 9(3), 22-31. <https://doi.org/10.53032/tcl.2024.9.3.04>
- Eroğlu, L. (2022). *Exploring The Family Language Policy of The Kurds Families A* [master's thesis]. Middle East Technical University.
- Fishman, J. A. (1991). *Reversing language shift: Theoretical and empirical foundations of assistance to threatened languages* (Vol. 76). Multilingual matters.
- Fishman, J.A. (2012). Language Maintenance, Language Shift, and Reversing Language Shift. In *The Handbook of Bilingualism and Multilingualism* (eds T.K. Bhatia and W.C. Ritchie). <https://doi.org/10.1002/9781118332382.ch19>.
- Foucault, M. (1982). The subject and power. *Critical inquiry*, 8(4), 777-795.
- Gans, H. J. (1979). Symbolic ethnicity: The future of ethnic groups and cultures in America. *Ethnic and racial studies*, 2(1), 1-20.
- Gerst, D., Krämer, H., & Salomon, R. (2019). Harold Garfinkels" Studies in ethnomethodology": ein Interviewprojekt. In *Forum Qualitative Sozialforschung/Forum: Qualitative Social Research* (Vol. 20, No. 2, p. 22). DEU.
- Giddens, A., & Pierson, C. (1998). *Conversations with Anthony Giddens: Making sense of modernity*. Stanford University Press.
- Gunes, C. (2013). *The Kurds national movement in Turkey: From protest to resistance*. Routledge.
- Gunter, M. M. (2018). *Historical dictionary of the Kurds*. Bloomsbury Publishing USA.

- Hall, S. (2020). The work of representation. In *The applied theatre reader* (pp. 74-76). Routledge.
- Hasif, N. Muslim Immigrant Identifications in Mexico's YouTube Sphere. *Int Journal of Latin American Religion*, 7, 482–520 (2023). <https://doi.org/10.1007/s41603-023-00198-6>
- Karpava, S. (2021). Heritage language use, maintenance and transmission by second-generation immigrants in Cyprus. *Heritage-New Paradigm*, 65–81.
- Kasap, S. (2024). Sociopsycholinguistic Perspectives: Language Use and Social Dynamics among Kurds Speakers in Turkey. *PSYCHOLINGUISTICS*, 36(2), 147-170.
- Kasap, S., & Işık, N. (2026). Kurds Language Attrition and Its Influence on Intergenerational Communication in Turkey. *International Journal of Kurds Studies*, 12(1), 51-63. <https://doi.org/10.21600/ijoks.1788166>.
- Lytra, V., & Gelir, I. (2023). Negotiating monolingual official language policy at the nexus of locally situated language practices and dominant language ideologies in a language minority context. *International Journal of Early Childhood*, 55(3), 313-329.
- Melayu dalam Komik Budak Kampung ke Bahasa Arab [The Translation of The Material Cultural Identity of Malay Community in The "Budak Kampung" Comic into Arabic]. *BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences* (e-ISSN: 2600-9080), 6(3), 84-98.
- Merriam, S. B., & Tisdell, E. J. (2015). *Qualitative research: A guide to design and implementation* (4th ed.). John Wiley & Sons.
- Mohammed, S. J., & Romano, D. (2025). The Kurds Conflict in Turkey: The Central Role of Identity Recognition (or Lack Thereof). *Ethnopolitics*, 24(3), 260–277. <https://doi.org/10.1080/17449057.2023.2275229>.
- Muttaqin, A., Hazrul H. M., & Zolkafi A. A. M. (2025). Warisan Memanah Dunia : Analisis
- Ong, T. W. S., & Ting, S. H. (2022). Intergenerational transmission of Chinese Foochow: Exploring a connection between family language policy and language-ethnicity dimensions. *Language Related Research*.
- Öpengin, E. (2012). Sociolinguistic situation of Kurds in Turkey: Sociopolitical factors and language use patterns. *International Journal of the Sociology of Language*, 217, 151-180.
- Ozfidan, B., Burlbaw, L. M., & Aydin, H. (2018). The Minority Languages Dilemmas in Turkey: A Critical Approach to an Emerging Literature. *Journal of Educational Issues*, 4(1), 1-19.
- Patton, M. Q. (2015). *Qualitative research & evaluation methods: Integrating theory and practice* (4th ed.). SAGE Publications.
- Perbandingan Reka Bentuk Dan Teknologi Busur Lima Benua. *International Journal of West Asian Studies* (17), 227-235.
- Renzaho, A. M., Dhingra, N., & Georgeou, N. (2017). Youth as contested sites of culture: The intergenerational acculturation gap amongst new migrant communities-Parental and young adult perspectives. *PLoS one*, 12(2), e0170700. <https://doi.org/10.1371/journal.pone.0170700>.
- Rudmin, F. W. (2003). Critical history of the acculturation psychology of assimilation, separation, integration, and marginalization. *Review of General Psychology*, 7(1), 3–37. <https://doi.org/10.1037/1089-2680.7.1.3>
- Rushdi, N. A. A. M., & Lubis, F. A. Nur Asyiqin Zohkarnain p144762@siswa.ukm.edu.my
- Salih, D. A., & Hama, H. H. (2023). The Kurdish Civil War and Peace Negotiations, 1994–1998. *Journal of Asian and African Studies*, 58(3), 298-321.
- Sanmee, W. (2024). Cultural identity and globalization: Navigating tradition and modernity in Southeast Asia. *Journal of Exploration in Interdisciplinary Methodologies (JEIM)*, 1(1), 11-20.
- Turgut, S., & Çelik, Ç. (2021). Kürt Gençlerinin Etnik Sınırlar Algisi Ve Damgayla Başa Çıkma Stratejileri. *Sosyoloji Araştırmaları Dergisi*, 24(3), 98-134.
- Turgut, S., & Çelik, Ç. (2024). Kurds students' perceptions of stigma and their destigmatization strategies in urban contexts in Turkey. *Race Ethnicity and Education*, 27(7), 1125-1140.
- Yeğen, M. (2007). Turkish nationalism and the Kurdish question. *Ethnic and racial studies*, 30(1), 119-151.
- Yeğen, M. (2011). The Kurds Question in Turkey: Denial to Recognition. *Middle East Policy*, 18(4), 67–82.

- Yeğen, M. (2025). Authoritarianism, geopolitics and nationhood: New forms of inclusion and exclusion in Turkey. *Studies in Ethnicity and Nationalism*. Advance online publication. <https://doi.org/10.1111/sena.12456>.
- Yusuff, N. A. M., & Zailani, S. (2023). Penterjemahan Identiti Budaya Material Masyarakat Zeydanlıoğlu, W. (2012). Turkey's Kurds language policy. *International Journal of the Sociology of Language*, 217(217), 99-125.